



## KENYATAAN AKHBAR DAN MEDIA

---

### MAJLIS KHATAM AL-QURAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN SEMPENA BULAN RAMADHAN 1443H

#### Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampong Sungai Akar

Isnin, 18 April 2022 – Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta Jabatan-Jabatan di bawahnya petang tadi telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran Sempena Bulan Ramadhan 1443H bertempat di Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampong Sungai Akar. Majlis pada tahun ini telah dikendalikan oleh Jabatan Perikanan dan Jabatan Perhutanan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Turut hadir ialah Yang Mulia Awang Haji Mohd Yusree bin Haji Junaidi, Timbalan Setiausaha Tetap I; Ketua-Ketua Jabatan; pegawai-pegawai kanan serta pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta Jabatan-Jabatan di bawahnya.

Majlis dimulakan dengan penyerahan sumbangan wakaf oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan kepada imam Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampong Sungai Akar iaitu berupa sebuah alat pembersih udara (*Air Purifier*) bagi kegunaan masjid berkenaan.

Seterusnya diikuti dengan bacaan Al-Fatihah disusuli dengan bacaan surah-surah lazim. Bacaan Takhtim dan Doa Khatam menyusuli majlis diikuti dengan laungan dikir Marhaban. Bacaan Doa Khatam dibacakan oleh Tuan Imam Muhammad Tsuufiy bin Hj Abd Wahab.

Aktiviti Majlis Khatam Al-Quran ini adalah merupakan aktiviti Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Jabatan-Jabatan dibawahnya yang diadakan pada setiap tahun pada bulan Ramadhan bertujuan untuk menyemarakkan lagi bulan Ramadhan yang Mubarak disamping mendapatkan ganjaran pahala serta keberkatan daripada Allah Subhanahu Wa Taa'la.

/TAMAT

Disediakan oleh:

#### **Jabatan Perikanan**

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan  
Negara Brunei Darussalam

16hb Ramadhan 1443H/18hb April 2022M

---